

09/07/2001

Dr M puas hati projek tidak jejas alam sekitar

Wan Jailani Abdul Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau berpuas hati dengan projek pembangunan di pulau ini yang kebanyakannya mengambil berat mengenai pemuliharaan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan projek pembangunan di bandar raya pelancongan itu menunjukkan pemaju prihatin dengan alam sekitar yang menjadi daya tarikan utama kepada pelancong.

"Saya gembira kerana pengusaha pelancongan di sini prihatin dengan alam sekitar dalam setiap projek yang dilaksanakan," katanya kepada pemberita pada akhir lawatan kerja seharinya ke sini hari ini.

Turut mengiringi lawatan beliau ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian yang juga Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib dan exco kerajaan negeri.

Beliau yang menghabiskan masa kira-kira lapan jam meninjau tahap kemajuan beberapa projek pembangunan utama di sini, turut kagum dengan produk pelancongan yang mengekalkan alam sekitar sebagai daya penarik.

Katanya, Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort di Teluk Burau akan melaksanakan projek tambahan 100 bilik lagi tanpa menebang sebatang pokok.

Hotel berkenaan juga sedang melaksanakan projek pembinaan 'Spa in the Forest', satu tarikan pelancongan yang unik yang tidak ada di tempat lain.

Dr Mahathir berkata, Langkawi mempunyai pelbagai tarikan semula jadi yang tidak ada di tempat lain seperti Gua Tembus, satu terowong semula jadi di kaki sebuah bukit di Sungai Kilim yang boleh dilalui ketika air surut.

Terowong itu boleh membawa seseorang pelancong terus ke Tanjung Rhu.

Ketika menyusuri Sungai Kilim, beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut meninjau tempat pelancong bertumpu untuk melihat burung helang datang menyambar makanan yang dibuang ke Sungai Kilim.

Bagaimanapun, Dr Mahathir kesal dengan tahap kemajuan pusat membaik pulih kapal layar di Tanjung Lembung yang dirasmikannya April lalu kerana gagal melaksanakan projek mengikut jadual.

"Saya berasa amat dukacita. Waktu saya datang hari itu nampak kelam kelibut nak suruh saya buka secara rasmi. Selepas saya balik, tidak ada satu kerja pun dia buat," katanya.

Projek usaha sama antara Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di kawasan seluas 4.8 hektar itu dicadang menyediakan kemudahan moden untuk membina, membaik pulih dan menyenggara kapal layar.

Pada sebelah pagi, Dr Mahathir turut meninjau projek pembinaan kereta kabel yang menghubungkan Oriental Village dan puncak Gunung Matchinchang di Teluk Burau. Projek yang membabitkan perbelanjaan RM45 juta itu bakal menjadi daya tarikan baru pelancong ke pulau ini.

Pengarah Urusan Wyss Planning Consultant, Dr Peter A Wyss, berkata projek pembinaan kereta kabel jenis gondola enam penumpang dengan jarak 950 meter di antara perhentian tengah dan puncak Gunung Matchinchang setinggi 708 meter itu adalah yang terpanjang di dunia.

Katanya, projek itu berjalan mengikut jadual walaupun mengalami sedikit kesukaran terutama dalam kerja meratakan tapak untuk perhentian kereta kabel di puncak gunung berkenaan.

"Projek membabitkan jarak keseluruhan 2.2 kilometer yang dimulakan sejak April lalu kini kira-kira 25 peratus siap. Ia dijangka siap sepenuhnya Mac tahun depan," katanya.

Projek itu dilaksanakan sebuah syarikat pembuat kereta kabel terkemuka dunia dari Austria, Dopple Mayer dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan.

(END)